

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR (JOHOR BAHRU)

SOALAN NO. 77

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan produktiviti dalam pasaran buruh dalam usaha untuk meningkatkan taraf gaji pekerja di Malaysia; dan
- (b) usaha-usaha yang telah dilaksanakan bagi memastikan kenaikan gaji pekerja setiap tahun selari dengan peningkatan produktiviti pekerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha untuk meningkatkan taraf gaji pekerja di Malaysia, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia telah menggalakkan majikan melaksanakan Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS). PLWS mewujudkan hubungan saling melengkapi diantara upah dan produktiviti pekerja. Berdasarkan system ini, upah yang diperolehi akan meningkat seiring dengan produktiviti dan prestasi pekerja.
2. Selain pelaksanaan PLWS, majikan dan kesatuan sekerja pekerja boleh memasukkan pemberian ganjaran dan insentif

SOALAN NO: 77

berdasarkan prestasi di dalam Perjanjian Kolektif. Perjanjian Kolektif merupakan dokumen perjanjian yang ditandatangani di antara majikan dan kesatuan sekerja pekerja dan diperakukan (*cognizance*) oleh Mahkamah Perusahaan. Perjanjian Kolektif mengandungi syarat-syarat perkhidmatan seperti bayaran bonus, kenaikan gaji dan insentif-insentif berasaskan prestasi.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Secara dasarnya, Kerajaan akan mengkaji semula gaji minimum sektor swasta (Perintah Gaji Minimum) sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap 2 tahun seperti yang ditetapkan dalam seksyen 25(1), Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732). Di samping itu juga, Kerajaan sedang dalam proses merangka *road map* bagi merealisasikan pelaksanaan kadar gaji minimum RM1,500 seperti yang dijanjikan dalam manifesto Pakatan Harapan.

4. Kerajaan juga telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Indeks Gaji Kebangsaan [*National Wage Index (NWI)*] yang akan digunakan sebagai penanda aras gaji terhadap trend pasaran buruh. NWI akan membolehkan Kerajaan menilai perubahan gaji dalam pasaran buruh di mana maklumat tersebut boleh dijadikan sebagai asas pertimbangan dalam penetapan gaji, kajian semula kadar gaji minimum dan dasar perburuhan di Malaysia.

5. Antara pendekatan yang akan diambil oleh Kerajaan dalam usaha untuk menaikkan tahap gaji atau upah pekerja-pekerja Malaysia kepada suatu tahap yang lebih tinggi adalah seperti berikut:

- (i) menambah nilai kerja melalui inovasi dan kreativiti dengan memperbanyakkan elemen automasi yang berteknologi tinggi bagi meningkatkan produktiviti pekerja di negara ini dan meningkatkan rantai pengeluaran agar dapat berdaya saing diperingkat antarabangsa;

SOALAN NO: 77

- (ii) menarik lebih banyak *foreign direct investment* (FDI) atau *domestic direct investment* (DDI) yang menyumbangkan terhadap penghasilan *high value job* dan *knowledge worker* (*k-worker*). Oleh yang demikian negara perlu bersifat selektif dalam menarik pelaburan dengan tidak lagi menarik pelaburan yang berintensifkan buruh (*labour intensive*) dan bergaji rendah (*low paying jobs*). Penghasilan pekerjaan yang bersifat *high value job* dan *k-worker* adalah amat wajar kerana kadar upah yang tinggi dinikmati oleh golongan ini antara penyumbang terbesar dalam peningkatan peratusan kadar upah daripada KDNK seperti yang dinikmati negara maju; dan
 - (iii) mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing tidak mahir (*unskilled*) yang bergaji rendah (*low pay jobs*). Langkah ini perlu diambil kerana pekerja asing tidak mahir yang bergaji rendah adalah antara penyumbang terhadap peratusan kadar upah yang rendah berbanding KDNK negara.
6. Kesimpulannya, Kerajaan sedar bahawa usaha untuk meningkatkan kadar gaji minimum memerlukan komitmen yang tinggi dan usaha ke arah itu perlu dilaksanakan secara berterusan agar ia seiring dengan perkembangan daya saing dan juga ekonomi negara secara keseluruhannya.